

04/02/1998

15 lagi tokoh sertai panel MSC

Ahmad Ghazali Musa

KUALA LUMPUR, Selasa - Pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) terus mendapat perhatian masyarakat dunia apabila 15 lagi peneraju syarikat teknologi maklumat mengkhusus dalam pelbagai segmen, terutama multimedia, animasi dan pembangunan kandungan Internet menyertai Panel Penasihat Antarabangsa (IAP).

Antara anggota baru IAP MSC yang sudah mengesahkan kehadiran pada mesyuarat di Kuala Lumpur pada 12 hingga 13 Februari ini ialah Prof Shumpei Kumon, (Universiti Antarabangsa Jepun); Presiden Alcatel Alsthom, Serge Tchuruk; Ketua Eksekutif British Telecom, Peter Bonfield.

Selain itu, Presiden Cisco Systems Inc, John Chambers; Pengerusi DHL, Patrick Lupo; Pengerusi Kingdom Holding Co, Putera al-Waleed Talal al-Saud dan Presiden Kumpulan Nokia, Jorma Ollila.

Anggota lain Ketua Eksekutif Reuters, Peter Job; Pengerusi Motion Pictures Association Amerika, Jack Valenti; Naib Canselor Universiti Cambridge, Prof Alex Broers; Presiden Bloomberg, Michel Bloomberg; Ketua Pegawai Operasi dan Presiden Intel Corporation, Craig Barret.

Anggota IAP MSC lama yang sudah mengesahkan kehadiran ialah Pengerusi Acer Inc, Dr Stan Shih; Presiden Nets Inc, Jim Manzi; Dr Kenichi Ohmae dari Ohmae & Associates; Penasihat Pusat Kajian Strategik dan Antarabangsa Amerika Syarikat, Diana Lady Dougan.

Presiden dan Ketua Eksekutif EDS Corporation, Lester Berthal; Prof William Miller dari Sekolah Perniagaan, Universiti Stanford; Pengerusi Madge Network, Robert Madge; Pengerusi Motorla, Gary Tooker.

Selain itu, Presiden Nippon Telegraph & Telephone, Ichiro Miyazu; Pengerusi Silicon Graphics, Bob Bishop; Presiden Sony Corp, Nobuyuki Idei; Presiden Ericsson, Dr Lars Ramqvist; Pengerusi NEC, Dr Tadahiyo Sekimoto dan Ketua Eksekutif Lucent Technologies, Ben Verwaayan.

Mesyuarat tertutup ahli IPA MSC itu akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tiga syarikat yang mendapat status MSC, syarikat Malaysia, syarikat usaha sama tempatan dan luar negara akan mengadakan persembahan berbentuk multimedia mengenai perkembangan yang berlaku di tapak projek MSC.

(END)